

313 tanah runtuh sepanjang MTL

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque

ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur merekodkan kejadian tertinggi dengan 115 kes dilaporkan

Kuala Lumpur

Sebanyak 313 kejadian tanah runtuh dilaporkan berlaku di seluruh negara sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) sehingga Selasa lalu.

Menurut Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Kuala Lumpur merekodkan kejadian tanah runtuh tertinggi dengan 115 kes dilaporkan.

Katanya, ia diikuti Selangor dengan 70 kes, Pahang (43 kes), Negeri Sembilan (28 kes), Sabah (23 kes), Sarawak (16 kes), Terengganu (13 kes) manakala masing-masing satu kes bagi Melaka, Johor dan Perak.

"Kejadian tanah runtuh dilaporkan membabitkan lokasi cerun, jalan, taman perumahan dan rizab hutan.

"Malah, satu runtuhan juga direkodkan di kuari di daerah Kinta hingga menyebabkan ada mangsa ter-



KEJADIAN tanah runtuh di bukit berhampiran jalan raya dari Pulau Betong ke Pantai Pasir Panjang, Balik Pulau.

KESAN tanah runtuh berdekatan Empangan Hidro di Stesen Janakuasa Kenyir Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Jenagor, Hulu Terengganu, baru-baru ini.

perangkap," katanya.

Laporan itu memaklumkan tindakan awal sudah diambil di kawasan yang terjejas antaranya memasang kanvas dan penghadang bagi mengurangkan kes runtuhan.

Selain itu, pemilik tanah persendirian, juga diminta mengosongkan tapak dan rumah yang terjejas.

Katanya, bagi runtuhan berhampiran kawasan perumahan, penduduk diarahkan berpindah buat sementara waktu bagi membolehkan kerja pembaikan dijalankan seperti di Batu Caves dan Shah Alam.

Menurutnya, JMG juga sentiasa memberikan nasihat teknikal bagi mengurangkan risiko runtuhan susulan.